

## PIHAK KETIGA

Tidak ada takrifan khusus berkenaan pihak ketiga. Sesiapa sahaja yang mengeruh, mengganggu serta meruntuhkan sesebuah institusi kekeluargaan termasuklah:

1. Ahli keluarga sendiri seperti ibubapa, adik beradik, ipar duai dan sebagainya;
2. Kekasih atau bekas kekasih; Rakan, rakan sekerja atau majikan;
3. Jiran dan lain-lain.



## ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN 1992

### SEKSYEN 74 EJSNS

**MENGHASUT PEREMPUAN BERSUAMI ATAU LELAKI BERISTERI.**

Denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau keduanya

### SEKSYEN 76 EJSNS

**MEMIKAT ATAU MEMBAWA PERGI PEREMPUAN BERSUAMI ATAU ANAK DARA.**

Denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau keduanya

### SEKSYEN 77 EJSNS

**MEMIKAT ATAU MEMBAWA PERGI ATAU MENAHAN DENGAN NIAT JAHAT PEREMPUAN BERSUAMI ATAU ANAK DARA.**

Denda tidak melebihi RM3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau keduanya









# AWAS TAKHBIB



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN)**

Pusat Dakwah Islamiah, Jalan Paroi Senawang,  
70400 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06-6771890 / 1891 | Fax: 06-6771802  
email: pkuasaan.jheains@ns.gov.my

 [jheains.ns.gov.my](http://jheains.ns.gov.my)  [jheainsofficial](https://www.facebook.com/jheainsofficial)  [jheains.official](https://www.instagram.com/jheains.official)

 [jheains\\_n9](https://www.tiktok.com/@jheains_n9)  [jheains tv](https://www.youtube.com/channel/UCjheains)  [jheainsofficial](https://twitter.com/jheainsofficial)

# TAKHBIB

Seorang lelaki merosakkan hamba atau isteri kepada orang lain, manakala maksud al-khabb pula ialah kerosakan, kekejian dan penipuan.

## HADIS

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Barangsiapa yang melakukan takhbib terhadap isteri seseorang atau terhadap hamba yang orang itu miliki maka dia bukan daripada kalangan kami."

(Riwayat Abu Daud)

Diriwayatkan daripada Abu Bakar al-Siddiq RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Tidak masuk syurga orang yang melakukan takhbib (tipu daya), mannan (pengungkit sedekah atau pemberian), dan bakhil (orang yang kedekut).

(Hadis riwayat al-Tirmidzi)

Takhbib adalah haram. Merosakkan hubungan antara pasangan suami isteri, dengan memperdaya atau menyebabkan isteri itu menuntut perceraian maka lelaki tersebut telah melakukan dosa yang besar.

Allah S.W.T telah memerintahkan kepada umatnya agar tidak terjatuh dalam takhbib.

## FIRMAN ALLAH S.W.T.

"Kaum lelaki (suami) itu ialah pemimpin bagi perempuan (isteri), kerana Allah telah melebihkan mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (lelaki) telah memberikan nafkah daripada hartanya. Maka itu, perempuan-perempuan yang solehah ialah mereka yang taat (kepada Allah) dan menjaga diri ketika ketiadaan (suaminya), kerana Allah telah menjaga (mereka)

(Surah Al-Nisa' ayat 34)

## IMPLIKASI TAKHBIB

1. Hilang kepercayaan kepada pasangan
2. Timbul Konflik dan Pertelingkahan dalam rumahtangga
3. Gangguan Emosi dan Psikologi
4. Runtuhnya Hubungan Kekeluargaan
5. Keterabaian terhadap anak - anak
6. Berlakunya Perceraian

